



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 26 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **23 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **8,294 kes** (96.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 26 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **enam (6) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,606 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah kurang daripada 200 kes, iaitu 191 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada enam (6) kes baharu yang dilaporkan, lima (5) kes adalah kes import yang mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan empat (4) warganegara Malaysia dan satu (1) bukan warganegara yang dibenarkan masuk ke Malaysia di atas urusan kerja. Satu (1) kes **penularan di dalam negara** pula adalah **warganegara Malaysia**, iaitu kes saringan tempat kerja di Kuala Lumpur. Tiada penularan dalam negara di kalangan bukan warganegara dilaporkan pada hari ini.

Sehingga kini, sebanyak dua (2) kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan alat pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **121 kes** (1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

KES AKTIF COVID-19 KINI ADALAH KURANG DARIPADA 200 KES

Hari ini genap 17 hari sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dikuatkuasakan bermula 10 Jun 2020. Sukacita KKM ingin memaklumkan bahawa kes baharu COVID-

19 harian telah mencapai satu angka selama empat hari berturut-turut mulai 23 Jun 2020. Malahan, kes harian penularan di dalam negara di kalangan warganegara Malaysia adalah kurang daripada lima (5) kes bagi enam (6) hari berturut-turut.

Jika dibandingkan, kadar penyembuhan kes COVID-19 di Malaysia (iaitu 96.4 peratus) adalah di antara yang tertinggi dalam kalangan negara ASEAN. Selain itu, kadar kematian COVID-19 di Malaysia juga merupakan di antara yang paling rendah di seluruh dunia (iaitu 1.41 peratus). Tiada kes kematian COVID-19 dilaporkan sejak 12 hari yang lalu. Justeru, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 semakin menurun setiap hari. Untuk pertama kalinya sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, kes aktif adalah kurang daripada 200 pada hari ini.

Pendekatan Kerajaan dalam implementasi PKPP adalah sebagai sebahagian daripada tindakan pemulihan (*soft landing*), iaitu untuk menyediakan Negara bagi strategi keluar (*exit strategy*). Jika dilihat statistik seperti di atas, ianya sememangnya memberangsangkan dan memberi keyakinan untuk lebih banyak pembukaan semula pelbagai sektor bagi mempertingkatkan ekonomi Negara secara tersusun. Pematuhan individu, syarikat dan komuniti kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan telah turut menyumbang kepada pencapaian ini. SOP ini disediakan

dengan rundingan bersama pelbagai pemegang taruh, agar ianya seimbang iaitu dengan mengambil kira faktor keselamatan rakyat, nyawa dan juga mata pencarian.

Pihak KKM ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia di atas kerjasama dengan pihak Kerajaan bagi pencapaian ini, dalam usaha kita sama-sama membendung penularan jangkitan COVID-19. Namun demikian, suka diingatkan bahawa peperangan menghadapi virus COVID-19 masih belum tamat. Masyarakat disarankan agar kekal berwaspada dan terus patuh kepada SOP serta saranan yang ditetapkan agar kita dapat sama-sama memutuskan rantai penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin mengingatkan masyarakat untuk terus konsisten mengamalkan nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup

separuh muka (penutup hidung dan mulut - *facemask*) di tempat awam atau jika bersejajala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elak bersalaman / bersentuhan;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bersejajala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bersejajala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan

memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

26 Jun 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 26 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	1 (1)	97
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	258
SELANGOR	2 (2)	2,036
NEGERI SEMBILAN	0	1,015
MELAKA	0	256
JOHOR	2 (2)	691
PAHANG	0	365
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	157
SABAH	0	366
SARAWAK	0	570
W.P. KUALA LUMPUR	1	2,431
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	6 (5)	8,606

*() adalah merujuk kepada kes-kes import